

06/01/2001

Fadzil syor gencatan mulut

KUALA LUMPUR, Jumaat - Proses penyatuan semula orang Melayu menampakkan kesan positif apabila Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor mencadangkan semua pihak, baik Umno, Pas atau Keadilan mengadakan 'gencatan mulut' dengan menghentikan perbuatan memaki hamun dan tuduh menuduh antara satu sama lain.

Beliau berkata, walaupun ceramah dan kempen penerangan boleh diteruskan sejajar dengan amalan demokrasi tulen, setiap parti perlu menghormati tempoh gencatan itu.

"Jangan jadi macam Israel dan Palestin, walaupun ada gencatan senjata, tentera zionis terus menyerang dan menindas umat Islam yang tidak berdosa," katanya dalam satu pertemuan dengan Berita Harian di Bangunan Parlimen hari ini.

Beliau sebelum itu menghadiri perbincangan dipengerusikan Speaker Dewan Rakyat Tun Mohamed Zahir Ismail dengan delegasi tujuh ahli Parlimen Jerman, diketuai Dr Dietmar Kansy dari parti Christian Democratic Union (CDU).

Turut hadir ialah Yang Dipertua Dewan Negara, Datuk Michael Chen, Presiden Keadilan, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail dan Naib Pengerusi DAP, Dr Tan Seng Giaw.

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno yang dipengerusikan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kelmarin mencadangkan pertemuan hari ke hati antara Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Fadzil; dan Presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail, diadakan segera.

Cadangan kedua pula turut membabitkan perwakilan daripada ketiga-tiga parti berkenaan. Bagaimanapun, dua cadangan itu masih tertakluk kepada persetujuan ketiga-tiga pihak bagaimana pertemuan harus diadakan.

Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno pada 12 Januari ini akan membincang lanjut format perpaduan itu.

Fadzil berkata, Jawatankuasa Pusat Pas akan memutuskan esok sama ada menerima format pertemuan yang disyorkan oleh Umno itu sama ada dalam bentuk pertemuan antara pemimpin tertinggi ketiga-tiga parti atau menerusi sidang kemuncak.

Katanya, jawatankuasa itu yang akan bermesyuarat di markas Pas pusat di Taman Melawar di sini, akan meneliti secara terperinci dua cadangan itu sebelum memberi kata putus.

Beliau berkata Pas menyambut baik pertemuan itu dan berharap dapat mencari formula terbaik bagi mendekatkan hubungan dan mengurangkan ketegangan yang timbul sekarang.

"Demi kepentingan negara, kita harus mencari pendekatan baru supaya semua pihak bersatu padu untuk menjaga kepentingan negara dan rakyat," katanya.

Ditanya jika Umno ingin mengajak Pas untuk bergabung ke dalam Barisan Nasional (BN) bagi menyatupadukan orang Melayu, Fadzil berkata: "Saya tidak rasa ia akan sampai ke peringkat itu dan soal itu tidak timbul."

Wan Azizah yang turut ditemui bagaimanapun enggan memberi sebarang ulasan.

Sambil menegaskan beliau tidak mahu menuding jari mengenai punca perpecahan Melayu sama ada oleh pemimpin atau pengikut parti politik, Fadzil berkata proses membina perpaduan ummah hendaklah dimulakan pada semua peringkat.

"Kalau nak pakai baju mestilah dari atas dan kalau nak pakai seluar pula perlu dari bawah. Jadi kedua-duanya sama penting.

"Bagi memastikan perpaduan Melayu menjadi kenyataan, semua peringkat baik di atas mahupun di bawah perlu bersama-sama menjaga kepentingan negara, bangsa dan agama.

"Pas sendiri sudah memulakan proses perpaduan di kalangan ahlinya dengan ahli parti lain terutama Umno demi kepentingan umat Islam. Apa yang penting, parti pemerintah tidak harus menyalahkan pembangkang, manakala kemudahan asas untuk rakyat perlu diberi sama rata, tidak kira parti mana yang menang," katanya.

Ketika ditanya sama ada perpecahan Melayu sekarang disebabkan perbezaan ideologi politik atau percanggahan pendapat, beliau berkata perbezaan pandangan politik tidak boleh dianggap perpecahan.

(END)